



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERBANDINGAN TAHAP MOTIVASI DAN FAKTOR PENGLIBATAN DALAM
SUKAN ANTARA PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN DI FAKULTI SAINS SUKAN
DAN KEJURULATIHAN, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.**

FAKHRULLAH BIN ASHAARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERBANDINGAN TAHAP MOTIVASI DAN FAKTOR PENGLIBATAN DALAM
SUKAN ANTARA PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN DI FAKULTI SAINS SUKAN
DAN KEJURULATIHAN, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.

FAKHRULLAH BIN ASHAARI

(D20191087632)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
DENGAN KEPUJIAN.

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan projek akhir tahun ini adalah sepenuhnya hasil daripada karya saya sendiri kecuali pernyataan – pernyataan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan dalam sumber rujukan.

.....

FAKHRULLAH BIN ASHAARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Pelajar Tahun Akhir Kursus

Projek Tahun Akhir (QSR 3996)

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGESAHAN PENYELIA KURSUS

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi keperluan untuk kursus QSR 3996 Projek Tahun Akhir untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan kepujian, di Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

.....

(DR. NORHAZIRA BINTI ABDUL RAHIM)

Penyelia Kursus



Projek Tahun Akhir (QSR 3996)

Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGESAHAN PENYELARAS KURSUS

Penulisan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi keperluan untuk kursus QSR 3996 Projek Tahun Akhir untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan kepujian, di Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

.....
(DR. OMAR FIRDAUS BIN MOHD SAID)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penyelia Kursus
Projek Tahun Akhir (QSR 3996)

Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tahun 2022/2023

.....

TARIKH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



DEDIKASI

Segala puji – pujian dan kesyukuran dipanjangkan kehadrat illahi di atas limpah dan kurnianya penulisan ilmiah ini berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektif yang telah dirancang.

Buat Ayahandaku Ashaari bin Harun Dan Ibunda Saripah binti Ismail, terima kasih atas doa dan dorongan ayahanda dan ibunda yang sentiasa mengiringi dan memberi semangat kepada anakanda demi mencapai kejayaan.

Ditujukan Khas Buat

DR. NORHAZIRA BINTI ABDUL RAHIM

Terima kasih atas segala bimbingan dan tunjuk ajar, hanya tuhan yang mampu membala

jasamu.



Buat rakan seperjuangan AT03 Iris selamat maju jaya terima kasih buat segalanya.






PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya mengizinkan saya menyempurnakan penulisan penyelidikan ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih Dr Norhazira binti Abdul Rahim selaku pensyarah penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang amat berharga kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang sentiasa ada di belakang saya untuk menyokong dan memberi dorongan dalam menyiapkan kerja kursus ini terutama ibunda, Saripah Binti Ismail, dan juga ayahanda, Ashaari Bin Harun, turut memberi sokongan, rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa meluangkan masa membimbing saya menjayakan kajian ini.



05 Akhir kalam, buat rakan seperjuangan saya AT03 Iris semoga perkenalan dan kenangan



bersama akan terus kekal abadi.

Saya dengan rendah diri memohon kemaafan seandainya terdapat kekurangan dalam proses menyiapkan kerja ini. Segala jasa dan bantuan dari kalian amatlah saya hargai.

Sekian, Terima Kasih.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk memperlihatkan perbandingan antara motivasi mempengaruhi penglibatan dalam sukan antara lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan deskriptif kualitatif melalui soal selidik dan seramai 30 responden terdiri daripada 15 lelaki dan 15 perempuan. Segala penganalisan data dan perbincangan adalah dinilai berdasarkan jawapan soal selidik '*Participation Motivation Questionnaire*'. Motivasi merupakan sumber atau alat untuk menggalakkan seseorang untuk mencapai matlamat dan seterusnya berusaha untuk terus mencapai matlamat yang lebih cemerlang (Cox, 1998). Motivasi memainkan peranan yang penting dalam setiap perlakuan kehidupan manusia terutamanya sukan dan juga penglibatan diri dalam setiap program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor motivasi instrinsik mempengaruhi pelibatan diri pelajar dalam aktiviti sukan. Perkara ini dibuktikan dengan nilai Min paling tinggi berbanding motivasi ekstrinsik iaitu $M = 69.15 \pm 8.84$ manakala motivasi ekstrinsik dengan nilai $M = 64.43 \pm 11.65$. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini dan berkait rapat dengan motivasi akan menyenaraikan beberapa hasil kajian melalui soal selidik yang diedarkan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan FSSK UPSI serta mempunyai kesinambungan antara motivasi dan juga penglibatan pelajar dalam sukan. Kajian ini merangkumi perbincangan faktor – faktor motivasi yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di FSSK UPSI.





MOTIVATIONAL LEVELS AND SPORTS INVOLVEMENT ELEMENTS OF MALE AND FEMALE STUDENTS AT SULTAN IDRIS UNIVERSITY OF EDUCATION'S FACULTY OF SPORTS SCIENCE AND COACHING.

ABSTRACT

The goal of this study was to show how motivation affects sports participation in men and women from the Faculty of Sports Science and Coaching at Sultan Idris University of Education in Tanjung Malim, Perak. The research instrument employed was a qualitative descriptive questionnaire, with 30 respondents (15 men and 15 women). Based on the response to the questionnaire titled "Participation Motivation Questionnaire," all data analyzers and discussions are rated. One can use motivation as a source or tool to help them reach their goals and keep going for better ones (Cox, 1998). Every aspect of a person's life, including athletics and participation in various programmes, depends on motivation. The research findings demonstrate how instructional motivation elements affect student self-involvement in sporting events. This is seen by the extrinsic motivation's greatest mean value, $M = 69.15$ 8.84, which is higher than intrinsic motivation's $M = 64.43$ 11.65. In this regard, this study and those that are closely related to it will detail some of the findings from a questionnaire that was given to both male and female FSSK UPSI students, as well as continue to discuss motivation and student involvement in sports. In this study, the motivational elements that affect students' participation in athletic events at FSSK UPSI are discussed.





ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK.....	ii
PENGAKUAN.....	iii
PENGESAHAN PENYELIA KURSUS.....	iv
PENGESAHAN PENYELARAS KURSUS	v
DEDIKASI.....	vi
PENGHARGAAN.....	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
ISI KANDUNGAN.....	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH.....	xv
SENARAI LAMPIRAN.....	xvi

BAB 1	1
--------------------	----------

PENDAHULUAN	1
--------------------------	----------

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.5 Batasan Kajian.....	7
1.6 Kepentingan Kajian.....	7
1.7 Definisi Pemboleh Ubah Kajian.....	9
1.7.1 Motivasi	9
1.7.2 Motivasi Ekstrinsik	9
1.7.3 Motivasi Intrinsik.....	10
1.7.4 Motif Penglibatan Dalam Sukan.....	10
1.7.5 Sukan.....	11

BAB 2	12
--------------------	-----------

KAJIAN LITERATUR	12
-------------------------------	-----------

2.1 Pengenalan	12
2.2 Pendekatan Teori.....	13





2.2.1	Teori Penentuan Diri (Self-Determination Theory).....	13
2.2.2	Teori Motivasi Kecekapan Harter.....	14
2.2.3	Teori Model Komitmen Sukan	14
2.2.4	Teori Persepsi Kebolehan Nicholls.....	15
2.2.5	Teori Motivasi Pencapaian McClelland.....	16
2.3	KAJIAN LEPAS	16
2.3.1	Teori Kirarki Keperluan Maslow.....	16
2.3.2	Minat Atlet Dalam Sukan	17
2.3.3	Kepuasan Dan Keseronokan Atlet	18
2.3.4	Cabar dan Persaingan Atlet dalam Bidang Sukan.....	19
2.3.5	Kerjasama Atlet dalam Sukan.....	19
2.4	Rumusan	20
BAB 3	21
METODOLOGI	21
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
3.3	Kerangka Konseptual	23
3.4	Responden Kajian	24
3.5	Instrumen.....	24
3.5.1	Bahagian A: Latar Belakang Atlet.....	25
3.5.2	Bahagian B: Faktor motivasi yang mempengaruhi diri dalam penglibatan sukan.	25
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	25
3.7	Penganalisan Data	26
3.8	Skor Instrumen Kajian.	26
3.9	Rumusan.....	27
BAB 4	28
DAPATAN KAJIAN	28
5.0	Pengenalan	28
5.1	Analisis Demografi Responden.....	29
5.1.1	Jantina	29
5.1.2	Umur	30
5.1.3	Bangsa.....	31
5.1.4	Berapa lamakah anda telah melibatkan diri di dalam sukan?	32
5.1.5	Sukan apa yang diceburi	33





5.2 Analisis Deskriptif Tentang Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Diri Dalam Sukan Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan Di Upsi. 35

 5.2.1 Motivasi Instrinsik 35

 5.2.2 Motivasi Ekstrinsik 38

5.3 Analisis Min Tentang Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Diri Dalam Sukan Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan Di Upsi. ..41

BAB 5 42

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN..... 42

5.0 Pengenalan 42

 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian 43

 5.2 Kesimpulan..... 46

 5.3 Cadangan 47

Rujukan 49

Lampiran 51





SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	MUKA SURAT
1	Jadual 1 Analisis kekerapan responden mengikut jantina dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI. 29
2	Jadual 2 Analisis kekerapan responden mengikut umur dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI. 30
3	Jadual 3 Analisis kekerapan responden mengikut bangsa dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI 31
4	Jadual 4 Analisis kekerapan responden mengikut tempoh masa responden bergiat aktif dalam sukan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI. 32
5	Jadual 5 Analisis kekerapan responden mengikut sukan yang diminati dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI. 33
6	Analisis Deskriptif Tentang Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Diri Dalam Sukan Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan Di Upsi. 35
7	Jadual 6 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi setiap item Motivasi Intrinsik. 35





8	Jadual 7 merupakan peratusan dan kekerapan mengikut item yang tertinggi diatas iaitu item 7, 11 dan 23.	37
9	Jadual 8 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi setiap item Motivasi Ektrinsik	38
10	Jadual 9 merupakan peratusan dan kekerapan mengikut item yang tertinggi diatas iaitu item 3 dan 10.	40
11	Analisis Min Tentang Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Diri Dalam Sukan Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan Di Upsi.	41





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	MUKA SURAT
1	Rajah 1 Teori Hirarki Keperluan Maslow
2	Rajah 2 Proses Keseluruhan Kajian Kerangka Konseptual
3	Rajah 3 Kadar Peratusan Responden Mengikut Jantina.
4	Rajah 4 Kadar Peratusan Responden Mengikut Umur.
5	Rajah 5 Kadar Peratusan Responden Mengikut Bangsa.
6	Rajah 6 Tempoh Masa Responden Melibatkan Diri dalam Sukan.
7	Rajah 7 Kadar Peratusan Mengikut Sukan yang Diceburi.
8	Rajah 8 Taburan Min pada Item Motivasi Instrinsik
9	Rajah 9 Peratusan Kekerapan Jawapan Responden terhadap Item 7, 11 dan 23.
10	Rajah 10 Taburan Min bagi Motivasi Ekstrinsik
11	Rajah 11 Taburan Kekerapan pada jawapan responden pada item 3 dan 10





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Set Soalan Soal Selidik (PMQ)
- B Kaedah Pengisian Responden melalui Google form



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Kebergantungan sesebuah kejayaan untuk atlet dalam sesebuah pertandingan yang disertai dapat digambarkan melalui tahap prestasi atlet dalam sesuatu sukan. Melalui kejayaan yang diperolehi oleh sesorang atlet membolehkan atlet tersebut untuk terus mara dan meningkat naik ke peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat kebangsaan. Namun begitu, persediaan dari segi mental dan fizikal serta psikologi adalah komponen yang perlu dikuasai oleh atlet dan jurulatih. Persediaan psikologi sering diabaikan oleh jurulatih kepada atlet di bawah bimbingannya tanpa menerapkan pengetahuan berkaitan latihan psikologi untuk mengekalkan prestasi atlet (Bali, 2015). Dengan itu, faktor keyakinan diri memainkan peranan penting dalam membina prestasi seseorang atlet. Keyakinan merupakan persediaan dari segi kekuatan mental yang cukup untuk membantu atlet dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam tempoh penyertaan pertandingan (Cox, 1998).





Individu, atlet atau pelajar yang terlibat dalam arena sukan di peringkat yang tertinggi mempunyai tahap motivasi yang begitu cemerlang. Tahap motivasi yang baik juga mempengaruhi setiap tindakan yang akan dilakukan oleh atlet tersebut dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, motivasi juga akan mempengaruhi setiap individu, atlet ataupun pelajar itu sendiri dalam keterlibatan sukan yang diceburi. Kenyataan ini disokong oleh Barić et al. (2002), Tušak et al. (2005), Trninić et al. (2009) serta Cox (2012) yang menyatakan bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu pasukan bergantung kepada personaliti, motivasi, Kebolehan khusus, tahap kemahiran, proses latihan, tahap kesiapsiagaan, bentuk sukan serta tingkah laku kepimpinan jurulatih dan lain-lain.

Singer & Gerson (1980), menyatakan motivasi sebagai satu daya yang mendorong seseorang untuk mencapai satu matlamat dan seterusnya berusaha untuk mencapai satu kejayaan yang lebih cemerlang. Dalam konteks penglibatan sukan ini motivasi sangat penting untuk mendorong keterlibatan mereka dalam setiap aktiviti sukan yang di anjurkan. Walau bagaimanapun motivasi yang baik akan menjadi dorongan dan daya tarikan yang kuat yang kuat untuk memajukan diri.

Menurut Morris & Summer (1995), motivasi merupakan penggerak kemahanan dan keinginan atau rangsangan untuk berjaya mencapai sesuatu matlamat. Pengertian motivasi bagi jurulatih atau guru Pendidikan Jasmani adalah mencari jalan supaya anak muridnya dapat melakukan perkara yang mereka mampu lakukan sendiri. Setiap pelajar memerlukan motivasi sama ada instrinsik ataupun ekstrinsik untuk memastikan penglibatan mereka secara aktif dalam sukan. Motivasi intrinsik adalah keinginan semula jadi atau naluri yang lahir dalam diri seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat sementara motivasi ekstrinsik pula merupakan





ganjaran atau pemberian yang berbentuk hadiah, wang tunai, pengiktirafan, status dan sebagainya atas kemenangan atau kejayaan yang dicapai dalam bidang yang diceburi.

Terdapat banyak motif yang menyebabkan seseorang itu melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Kajian mengenai motif penglibatan remaja menyertai sukan oleh Gill, 4 Gross, dan Huddleston (1983), mendapati lapan faktor utama motif penglibatan iaitu untuk meningkatkan status, memupuk semangat sepasukan, kecergasan, pengeluaran tenaga, persekitaran, perkembangan kemahiran, persahabatan dan keseronokan. Alderman (1974), menegaskan bahawa kajian mengenai motif utama penyertaan dalam sukan merupakan satu cara berkesan bagi menyediakan persekitaran optima yang dapat menarik minat seseorang. Segala tingkah laku individu adalah didorong oleh satu atau lebih motif. Oleh yang demikian kajian mengenai motif penglibatan dalam sukan akan dapat memberi gambaran jelas mengenai apa yang dilihat dalam setiap sukan – sukan atau aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai pihak menunjukkan jumlah dan kuantiti peserta yang kurang memuaskan.

Dalam bidang sukan, perasaan untuk memenangi sesuatu pertandingan seringkali dilihat sebagai satu-satunya faktor penting untuk melihat pencapaian prestasi dan pengekalan penyertaan individu dalam aktiviti tersebut (Duda, 1989b). Seseorang itu akan terus melibatkan diri dalam sukan yang disertainya sekiranya sering memenangi sesuatu pertandingan. Walau bagaimanapun, Roberts (1992) mempunyai pendapat yang berbeza. Roberts (1992), melalui pendekatan Teori Sosial Kognitif melihat pencapaian dari dua aspek iaitu Orientasi Tugasan (Task Orientation) dan Orientasi Ego (Ego Orientation). Orientasi Tugasan merujuk kepada kebolehan memahirkan diri dalam sesuatu kemahiran dan pencapaian dilihat apabila seseorang itu dapat memahirkan diri dan meningkatkan kemahiran dirinya sendiri tanpa perlu





membandingkan dengan individu lain. Orientasi Ego pula merujuk kepada pencapaian yang berpandukan kepada individu lain. Menurut Nicholls (1984), Orientasi Tugasan ataupun Ego adalah berdasarkan bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Sekiranya individu menganggap dirinya telah berjaya hanya setelah mengalahkan pihak lawan, mereka tergolong dalam kumpulan yang menjurus kepada Orientasi Ego. Sebaliknya, individu 5 yang menganggap kejayaan dicapai setelah memiliki kemahiran tertentu dan meningkatkan prestasi diri sendiri, mereka cenderung kepada Orientasi Tugasan.

Sehubungan itu, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara tahap motivasi dan penglibatan diri antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kegiatan sukan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.



1.2 Pernyataan Masalah

Sejak negara dilanda wabak covid 19 ini dan kerajaan telah membenarkan semula untuk pelajar – pelajar meeruskan sesi pembelajaran secara bersemuka penglibatan pelajar lelaki dan perempuan di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan semakin berkurangan. Hal ini dilihat menerusi program – program yang dianjurkan oleh jabatan penyertaan adalah sedikit. Hal ini juga faktor motivasi diri juga mempengaruhi mereka dalam setiap sukan. Oleh yang demikan, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor – faktor serta perbandingan tahap motivasi yang mempengaruhi kadar penglibatan diri dalam sukan antara lelaki dan perempuan.





Keputusan setiap jumlah penglibatan pelajar dalam sesuatu sukan dan pertandingan bergantung kepada tahap motivasi diri yang ada dalam diri seseorang pelajar tersebut. Kebanyakkhan jurulatih hanya menumpukan dan menekankan aspek dari segi kecergasan fizikal dan juga berkaitan strategi ataupun corak permainan yang sesuai diguna pakai untuk mereka sendiri. Menurut Kassim, 1998 mengatakan bahawa jurulatih perlu menitikberatkan juga persediaan dari segi latihan mental kerana iaanya penting untuk melakukan persediaan fizikal, teknikal dan taktikal.

Motivasi merupakan faktor psikologi penting yang sering kali dikaitkan dengan penglibatan atlet dalam sukan. Komarudin (2016) menyatakan bahawa motivasi atlet atau pelajar merupakan keinginan, hasrat, kemahuan dan pendorong untuk atlet dan pelajar memenuhi prestasi serta melibatkan diri dalam setiap sukan bersama dengan atlet dan pelajar lain. Motivasi penglibatan sukan seseorang atlet merupakan satu fenomena kompleks yang terdiri daripada pelbagai faktor (Pelletier, Rocchi, Vallerand, Deci, & Ryan, 2013). Oleh kerana kepelbagaian dimensi yang dipamerkan motivasi, kajian keatasnya seringkali mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik bagi memahami aspek mental dan psikologi sukan.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan melihat perbandingan tahap motivasi dan faktor penglibatan dalam sukan antara pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan kejurulatihan di UPSI. Antara objektif kajian adalah dalam penyelidikan ini adalah. Penyelidik juga mengkaji faktor yang sebenar mempengaruhi diri pelajar lelaki dan perempuan dalam penglibatan pelbagai jenis sukan. Selain mengkaji tahap motivasi dan juga faktor penglibatan





pelajar dalam sukan, faktor demografi juga sedikit akan mempengaruhi peratusan faktor untuk pelajar melibatkan diri dalam sukan. Antara faktor demografi ialah jantina, umur, pengalaman dalam sukan dan juga sukan yang diminati. Penyelidik juga mengenalpasti beberapa boleh ubah yang akan mempengaruhi penglibatan pelajar lelaki dan perempuan untuk bergiat aktif dalam sukan. Berikut merupakan objektif kajian yang akan digunakan sepanjang kajian ini dilaksanakan berdasarkan latar belakang yang telah dikemukakan :

1. Menentukan tahap motivasi dalam aktiviti sukan antara pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan kejurulatihan di UPSI.
2. Mengenalpasti faktor penglibatan pelajar lelaki dan perempuan Fakulti Sains Sukan dan kejurulatihan di UPSI dalam sukan



1.4 Persoalan Kajian



Berdasarkan kepada permasalahan dan objektif kajian yang dikenalpasti, berikut adalah beberapa persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Antara persoalan kajian adalah:

1. Adakah tahap motivasi antara pelajar lelaki dan perempuan FSSK mempengaruhi jumlah penglibatan aktif dalam setiap sukan?
2. Sejauhmanakah pengetahuan motivasi yang melibatkan penglibatan dalam sukan antara pelajar lelaki dan perempuan di FSSK, UPSI.





1.5 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, banyak perkara dan faktor yang mungkin akan mempengaruhi dapatan kajian. Beberapa Batasan kajian telah dikenal pasti supaya kajian ini dapat memberikan suatu ukuran yang sebenar tentang tajuk kajian yang dijalankan. Kajian ini terbatas dijalankan kepada responden seramai 30 orang pelajar (15 lelaki dan 15 perempuan).

- i. Kajian ini tidak mengambil kira pemboleh ubah-pemboleh ubah luaran seperti budaya, umur, bangsa dan lain-lain
- ii. Format soal selidik adalah berbentuk Skala Likert. Oleh itu, responden terpaksa memilih jawapan-jawapan yang disediakan sahaja dan tidak berpeluang untuk mengemukakan jawapan dan pendapat sendiri.
- iii. Sikap responden ketika menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik walaupun arahan diberikan dengan jelas.
- iv. Faktor kejujuran dan keikhlasan responden semasa menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik
- v. Dapatan kajian bergantung kepada keupayaan responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang sesuatu faktor atau perkara yang dikaji.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang ingin melihat perbandingan tahap motivasi dan faktor penglibatan dalam sukan antara pelajar lelaki dan perempuan di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI. Melalui kajian ini, adalah diharapkan.





- i. Kajian ini dapat diharapkan boleh mengenalpasti tahap motivasi yang mempengaruhi aspek – aspek psikologi lain seperti keimbangan, motivasi, kebangkitan dan tumpuan. Dengan mengenalpasti faktor – faktor motivasi ini akan membantu meningkatkan lagi penglibatan dalam sukan serta keyakinan diri dalam sukan dengan mudah.
- ii. Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada beberapa aspek iaitu maklumat pelajar atau dapatan kajian yang akan menjelaskan faktor motivasi sebenar yang mempengaruhi penglibatan pelajar lelaki dan perempuan dalam sukan di fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI.
- iii. Sekiranya faktor motivasi ini tidak positif ia boleh dijadikan panduan untuk menambahbaik segala kekurangan. Dalam kajian ini untuk memperlihatkan penglibatan pelajar lelaki dan perempuan FSSK dalam sukan lebih ramai. Di samping itu Langkah perlu diambil untuk merancang seberapa banyak program yang bermanfaat kepada mereka serta membentuk motivasi diri yang baik.
- iv. Berdasarkan kenyataan yang dibincangkan di atas orientasi matlamat dan motivasi atlit yang terlibat dalam sukan, perlu diberi perhatian supaya atlit dapat menentukan matlamat yang jelas sebagai panduan ke arah kejayaan dalam sukan yang diceburi.





1.7 Definisi Pemboleh Ubah Kajian

Terdapat beberapa istilah penting yang sering digunakan dalam kajian ini. Istilah tersebut perlu dijelaskan maknanya supaya maksud penyelidikan ini berjaya disampaikan. Bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan, yang berikut ini dijelaskan definisi operasi dan istilah penting yang terdapat dalam kajian ini.

1.7.1 Motivasi

Motivasi ialah penggerak kepada kemahanan dan keinginan hendak berjaya ataupun hendak mencapai sesuatu. Motivasi boleh juga dikatakan sebagai rangsangan untuk kejayaan seseorang ataupun rangsangan hendak mengelakkan diri daripada kegagalan.



1.7.2 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan mengerakkan individu supaya melakukan sesuatu aktiviti yang membawa faedah kepadanya. Pandangan daripada Gardner dan Lambert (1972: 3) menyatakan bahawa motivasi ekstrinsik sebagai motivasi integratif yang mendorong seseorang untuk mempelajari sesuatu perkara khususnya bahasa kerana mereka berkeinginan untuk berkomunikasi dengan masyarakat bahasa sasaran. Motivasi ekstrinsik ini dapat dirangsang dalam bentuk-bentuk seperti pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan iklim persekitaran yang kondusif bagi mendorong para pelajar untuk belajar. Contohnya, ibu bapa memberi pujian kepada kanak-kanak kerana tindakan





yang baik akan menyebabkan daya usaha kanak-kanak itu meningkat. Hal ini mewujudkan satu peneguhan dalam diri individu iaitu, suatu motivasi ekstrinsik yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku seseorang pelajar.

1.7.3 Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik merupakan suatu motif yang timbul daripada dalam diri untuk berbuat sesuatu. Menurut Sardiman (2010) motivasi intrinsik adalah motifmotif yang menjadi aktif, atau berfungsi tidak perlu dirangsang daripada luar, kerana dalam diri setiap individu mempunyai dorongan untuk melakukan sesuatu tindakan. Mengikut Deci Ryan (1985), manusia bermotivasi intrinsik apabila mereka mempunyai persepsi diri mereka berkebolehan dan boleh membuat keputusan sendiri. Tingkah laku individu

yang intrinsik dikawal daripada dalam dirinya sendiri. Diri secara langsung tidak membenarkan orang lain atau peristiwa luar mempengaruhinya. Orang yang bermotivasi intrinsik menentukan matlamat dan berusaha mencapainya. Tiada paksaan dalam membuat sesuatu. Seandainya berlaku paksaan, maka persepsi akan menurun.

1.7.4 Motif Penglibatan Dalam Sukan

Motif merupakan alat, sumber ataupun daya yang merangsang minat dan seterusnya mendorong seseorang untuk memulakan sesuatu aktiviti dan berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai sesuatu matlamat (Kamlesh, 1988). Menurut Gill (2000), motif penglibatan merujuk kepada sebab-sebab individu melibatkan diri dalam sukan dan senaman. Definisi motif penglibatan dalam kajian ini merujuk kepada motif utama yang menarik minat atlet ataupun pelajar UPSI untuk bergiat aktif dalam setiap aktiviti





sukan. Motif penglibatan diukur menggunakan soal selidik PMQ (Participation Motivation Questionnaire) yang digubal oleh Penyelidik untuk mencapai objektif kajian.

1.7.5 Sukan

Sukan terdiri daripada aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan untuk pertandingan, keseronokan, pembangunan, kemahiran, kecemerlangan, dan sebagainya. Perbezaan tujuan inilah yang membezakan sifat sesuatu sukan itu. Misalnya, berenang secara bersaingan di hadapan ribuan penonton akan dikira sebagai sukan tetapi berenang bersendirian di kolam atau laut dilihat sebagai aktiviti rekreatif.

